# Terms and Conditions
# Basic Current Account/Basic Current Account-i (BCA/BCA-i) Special Rate Promotion

**REMINDER: Eligible Customer(s) (as defined below) are hereby reminded to read and understand the terms and conditions below which are available at http://ambank.com.my/TnC. If the Eligible Customer(s) do not understand any of the terms and conditions herein, the Eligible Customer(s) are advised to discuss with the Bank's authorised representative**.

**1 Definition**

1.1 For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

"**AmBank Group**" refers to all the Related Corporations and Associate Corporations of the Bank whether incorporated within or outside of Malaysia, existing now or in the future and reference to 'AmBank Group' in these terms and conditions herein, shall include all or any entity within AmBank Group.

''**AmBank/AmBank Islamic Merchant Customer**" refers to existing Merchant Customer or newly on boarded Merchant Customer under Retail Banking.

"**AmBank/AmBank Islamic SME Customer**" refers to AmBank/AmBank Islamic Small Medium Enterprise customers and/or Retail Non-Individual Customers of AmBank/AmBank Islamic under Retail Banking.

"**Bank**" refers to both AmBank (M) Berhad ('**AmBank**') [Registration No.: 196901000166 (8515-D)] and AmBank Islamic Berhad ('**AmBank Islamic Berhad'**) [Registration No.: 199401009897 (295576-U)], companies incorporated in Malaysia under the Companies Act 1965 (repealed by Companies Act 2016) and having their registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Non-Individual Customer**" refers to Non-Individual customers of AmBank/AmBank Islamic under Retail Banking.

"**Retail Banking**" refers to consumer banking that caters for Non-Individual Customers only.

"**Promotion**" refers to "**Basic Current Account/Basic Current Account-i (BCA/BCA-i) Special Rate Promotion**" organised by the Bank in accordance with the terms and conditions stipulated herein.

"**Prior Notice**" means a notice by the Bank of at least three (3) calendar days and published on the Bank's website at www.ambank.com.my

"**Promotional Rate**" refers to the BCA/BCA-i promotional interest/profit rate prescribed for the deposit for the purpose of this Promotion as provided in Clause 4.1.a.

Words denoting person shall include living persons and, if and where applicable, body or persons incorporated or unincorporated. Words importing the singular shall also include the plural and vice-versa. Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter gender.

1.2 The term "**Associate Corporations**" shall have the same meaning assigned to it under Section 2(1) of the Financial Services Act 2013 or the Islamic Financial Services Act 2013, where applicable. The term "**Related Corporations**" shall have the same meaning assigned to it under Section 7 of the Companies Act 2016.

**2 Promotion Period**

2.1 The Promotion will commence on **1 January 2021 and ends on 30 June 2021 both dates inclusive,** ("**Promotion Period").**The Bank reserves the right to vary or amend the duration of the Promotion Period at its discretion with Prior Notice.

# Terms and Conditions
# Basic Current Account/Basic Current Account-i (BCA/BCA-i) Special Rate Promotion

**3 Eligibility**

3.1 The Promotion is open to AmBank/AmBank Islamic Merchant Customer, Non-Individual Customer and AmBank/AmBank Islamic SME Customer ("**Eligible Customer**"), existing-to-bank or new-to-bank customers who opens a BCA/BCA-i with the Bank during the Promotion Period.

3.2 The Promotion is applicable to Basic Current Account/Basic Current Account-i (BCA/BCA-i) only.

3.3 Employees of AmBank Group are not eligible to participate in this Promotion.

3.4 The deposits made under this Promotion are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia up to RM250,000 for each depositor.

**4 Promotion Mechanics**

4.1 Subject to the Terms and Conditions herein, the Eligible Customer(s) must open a BCA/BCA-i with the Bank during the Promotion Period, Promotion's details are as below:

a. The Eligible Customer(s) will enjoy Promotional Rate as stated in Table 1

**Table 1**

| Deposit Balance | Promotional Rate (p.a.) | Promotional Rate for Merchant Customers (p.a.) | Promotional Rate for AmBank@Work Customers[1] |
|---|---|---|---|
| Up to RM10,000 | 0.00% p.a. | 0.00% p.a. | 0.00% p.a. |
| Up to RM1,000,000 | 1.00 % p.a. | 1.10% p.a. | 1.20% p.a. |
| Above RM1,000,000 | 1.50% p.a. | 1.60% p.a. | 1.70% p.a. |

*Note[1]: The promotional rate is only applicable to customers who have registered for AmBank@Work Payroll Solutions which are covered under AmBank SME-in-a-Box Solutions, further details can be viewed at* *https://www.ambank.com.my/eng/small-business/sme-solution*

**Illustration**

| Deposit Balance | | Promotional Rate Entitlement |
|---|---|---|
| Customer A | RM8,000 | 0.00%p.a. |
| Customer B | RM30,000 | 1.00%p.a. |
| Customer C | RM1,500,000 | 1.50%p.a. |

4.2 Interest/profit is calculated on daily basis based on end-of-day balance in the account. The accumulated interest/profit will be auto-credited into the account on the last day of the month.

4.3 The Promotional Rate is valid upon account opening date until 31 December 2021 and shall be converted to prevailing board rate from 1 January 2022 onwards.

4.4 The Promotional Rate for Merchant Customers on BCA/BCA-i will take effect two (2) weeks after customer has signed up and on-boarded as AmBank/AmBank Islamic Merchant.

4.5 The Promotion will be subject to immediate revision should there be any Overnight Policy Rate (OPR) changes.

**5 General**

5.1 By participating in this Promotion, the Eligible Customer(s) consent and agree to be bound by the terms and conditions herein, to be read together with the:
(a) General Terms and Conditions for Accounts and Services, and
(b) Specific Terms and Conditions for Commodity Murabahah-Based Current Account-i/Savings Account-i (applicable to BCA-i only)

The Eligible Customer(s) is required to log on to the Bank's official website at http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions for any Promotion updates or the latest terms and conditions, if any.

5.2 This Promotion's offer is not valid with any other promotions of the Bank and no other special, additional or preferential rates shall be given under this Promotion.

5.3 The Bank shall have, at any time, the right and discretion to cancel, terminate or suspend the Promotion with Prior Notice.

5.4 The Bank shall have the right and discretion to vary, amend, delete or add to any of the terms and conditions set out herein, in whole or in any part from time to time including to vary the Promotion Period with Prior Notice.

5.5 Any notice to be given by the Bank shall be posted in the Bank's official website at www.ambank.com.my or its branches, and any such notice shall be deemed given when so posted at its official website or its branches, whichever is earlier.

5.6 The Bank may cancel the participation of or disqualify any Eligible Customer(s) from participating in this Promotion if it finds or determines that:
(a) The said Eligible Customer(s) have provided untrue information or acted fraudulently or wrongfully in any manner during the entry process or throughout the Promotion Period; or
(b) The Eligible Customer(s) have breached or potentially will breach the terms and conditions herein.

5.7 Unless expressly stated otherwise, the terms and conditions herein set forth, including any amendments thereto, will prevail over any other provisions and/or representations contained in any other notices/promotion/advertising materials for this Promotion.

5.8 The Bank's decision on all matters relating to the eligibility of the Promotion is final and binding on all participating Eligible Customer(s). The Bank will not entertain any appeal from customer(s) thereafter.

5.9 The Bank is not liable for any loss or damages suffered such as loss of income or profit, or any indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties, arising out of or in connection with the Promotion, save and except where such loss or damages were directly caused by the Bank's gross negligence, wilful default or fraud.

5.10 To the extent permitted by law, the Bank shall not be liable to the Eligible Customer(s) when any Force Majeure event occurs. "Force Majeure" refers to any unforeseen events and/or circumstances not within the reasonable control of the Bank, which the Bank is unable to prevent, avoid or remove including natural disasters such as flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil or earth or acts of public unrest such as strikes, lock out, industrial disturbances, riots, wars, each of which is beyond the control of neither Party or such other event, condition or circumstances of similar nature as may be classified as Force Majeure by the Bank from time to time.

5.11 The Bahasa Malaysia version of this terms and conditions is also available at www.ambank.com.my/SRP. In the event of any discrepancies or conflict in the interpretation of these terms and conditions, the English and Bahasa Malaysia versions of each of these terms and conditions shall be construed as equivalent, and each of the terms and conditions stipulated shall carry the same meaning.

5.12 All questions concerning the construction, validity, enforcement and interpretation of the terms and conditions stipulated herein shall be governed by, construed and enforced in accordance with the laws of Malaysia. The parties hereby submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia for the purpose of any suit, action or other proceeding arising out of or based on the terms and conditions herein.

5.13 The Eligible Customer(s) is required to log on the Bank's corporate website for any Promotion updates and refer to http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions for the latest terms and conditions, if any.

5.14 For any assistance and/or feedback relating to this Campaign, Eligible Customers may contact the Bank's Corporate Services Contact Centre from 8.45am to 5.45pm (Monday to Thursday) and 8.45am to 4.45pm (Friday) by calling 03-2178 3188 or e-mail to e-ambizcare@ambankgroup.com

# Terma dan Syarat
# Promosi Kadar Istimewa Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i)

**PERINGATAN: Pelanggan yang Layak menyertai Promosi ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di bawah yang boleh didapati melalui http://ambank.com.my/TnC. Jika Pelanggan yang Layak tidak faham sebarang terma dan syarat di sini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan wakil sah.**

**1 Definisi**

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

"**Kumpulan AmBank**" merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap "Kumpulan AmBank" dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"**Pelanggan Saudagar AmBank/AmBank Islamic**" merujuk kepada pelanggan saudagar yang sedia ada atau baru menyertai Pelanggan Saudagar di bawah Perbankan Runcit.

"**Pelanggan Enterprise Kecil Sederhana AmBank/AmBank Islamic**" merujuk kepada pelanggan Enterprise Kecil Sederhana dan/atau Pelanggan Runcit Bukan Individu di bawah Perbankan Runcit AmBank/ AmBank Islamic.

"**Bank**" merujuk kepada AmBank (M) Berhad ('AmBank') [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad ('AmBank Islamic') [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Pelanggan Bukan Individu**" merujuk kepada Pelanggan Bukan Individu di bawah Perbankan Runcit AmBank/AmBank Islamic.

"**Perbankan Runcit**" merujuk kepada perbankan runcit yang digunapakai untuk Pelanggan Bukan Individu sahaja.

"**Promosi**" merujuk kepada tawaran "**Promosi Kadar Istimewa Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i)"** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar dan diterbitkan di laman web Bank di www.ambank.com.my.

"**Kadar Promosi**" merujuk kepada kadar faedah/keuntungan Promosi BCA/BCA-i untuk tujuan Promosi ini yang diperuntukkan dalam Klausa 4.1.a.

Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud singular juga akan merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

1.2 Istilah 'Perbadanan Bersekutu' mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah 'Syarikat Yang Berkaitan' pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

## Terma dan Syarat
## Promosi Kadar Istimewa Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i)

**2 Tempoh Promosi**

2.1 Promosi akan bermula pada **1 Januari 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh, ("Tempoh Promosi").** Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Promosi atas budi bicaranya dengan memberi Notis Awal.

**3 Kelayakan**

3.1 Promosi dibuka kepada Pelanggan Saudagar AmBank/AmBank Islamic, Pelanggan Bukan Individu dan Pelanggan PerusahaanKecil Sederhana ("Pelanggan Yang Layak"), pelanggan Bank sedia ada/baru yang membuka BCA/BCA-i dengan Bank semasa Tempoh Promosi.

3.2 Promosi ini terbuka untuk Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i) sahaja.

3.3 Kakitangan Kumpulan AmBank tidak layak menyertai Promosi ini.

3.4 Deposit yang dibuat di bawah Promosi ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**4 Mekanisme Promosi**

4.1 Tertakluk kepada terma dan syarat dalam dokumen ini, Pelanggan Saudagar AmBank/AmBank Islamic yang Layak hendaklah membuka BCA/BCA-i dengan Bank semasa tempoh Promosi, mekanisme Promosi adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

a. Pelanggan yang Layak akan menikmati Kadar Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1

**Jadual 1**

| Baki Deposit | Kadar Promosi | Kadar Promosi untuk Pelanggan Suadagar | Kadar Promosi untuk Pelanggan AmBank@Work[1] |
|---|---|---|---|
| Sehingga RM10,000 | 0.00% setahun | 0.00% setahun | 0.00% setahun |
| Sehingga RM1,000,000 | 1.00% setahun | 1.10% setahun | 1.20% setahun |
| RM1,000,000 ke atas | 1.50% setahun | 1.60% setahun | 1.70% setahun |

*Catatan[1]: Kadar Promosi ini hanya terpakai bagi pelanggan yang telah mendaftar untuk AmBank@Work Payroll Solutions yang terkandung di bawah AmBank SME-in-a-Box Solutions, butiran lanjut boleh disemak di https://www.ambank.com.my/eng/small-business/sme-solution*

**Illustrasi**

| Baki Deposit | | Kelayakan Kadar Promosi |
|---|---|---|
| Pelanggan A | RM8,000 | 0.00% setahun |
| Pelanggan B | RM30,000 | 1.00% setahun |
| Pelanggan C | RM1,500,000 | 1.50% setahun |

4.2 Faedah/ keuntungan dikira secara harian berdasarkan baki akhir dalam akaun. Faedah/keuntungan terkumpul tersebut akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pada hari terakhir dalam bulan berkenaan.

4.3 Kadar Promosi ini terpakai dari hari pembukaan akaun sehingga 31 Disember 2021 dan akan ditukar menjadi kadar niaga semasa bermula dari 1 January 2020.

4.4 Kadar Promosi untuk Pelanggan Saudagar di BCA/BCA-i akan berkuatkuasa dua (2) minggu setelah pelanggan mendaftar sebagai Saudagar AmBank/AmBank Islamic.

4.5 Promosi akan tertakluk kepada semakan segera sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

**5 Umum**

5.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan:
(a) Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan
(b) Terma dan Syarta Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (terpakai bagi akaun BCA-i sahaja).

Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank melalui http://ambank.com.my/TnC untuk sebarang kemaskini atau terma dan syarat terkini, jika ada.

5.2 Tawaran Promosi adalah tidak sah dengan mana-mana promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Promosi ini.

5.3 Bank mempunyai hak dan budi bicara, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu.

5.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau manamana bahagian dari semasa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Promosi dengan memberikan Notis Terdahulu.

5.5 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di cawangan-cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman web rasminya atau cawangancawangannya, yang mana terlebih dahulu.

5.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi sekiranya ia mendapati atau memutuskan bahawa:
(a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Promosi, atau
(b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat di dalam ini.

5.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Promosi ini.

5.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian. Bank tidak akan menerima sebarang rayuan daripada Pelanggan selepas itu.

5.9 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau secara tidak langsung, insiden, berbangkit, teladan, ganti rugi atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi, melainkan dan kecuali jika kehilanggan atau kerosakkan sedemikian secara langsung disebabkan oleh kecuaian keterlaluan, keingkaran secara sengaja atau penipuan di pihak Bank.

5.10 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi , gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai "Force Majeure" oleh Bank dari semasa ke semasa.

5.11 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my/SRP. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.

5.12 Semua pertanyaan berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam ini.

5.13 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank untuk maklumat terkini Promosi di http://ambank.com.my/TnC untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.

5.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Promosi ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 8.45am ke 5.45pm (Isnin - Khamis) dan dari 8.45am ke 4.45pm (Jumaat) melalui 03-2178 3188 atau emel kepada e-ambizcare@ambankgroup.com